

Kawasan khas untuk peniaga 'car boot sale'

Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) akan memohon peruntukan RM1.2 juta daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menyediakan satu kawasan khas untuk peniaga 'car boot sale' di Taman Tas, di sini.

Yang Dipertua MPK Datuk Fadzilla Salleh berkata, peruntukan itu disebabkan tapak peniaga berkenaan yang beroperasi ketika ini tidak sesuai dan turut mengganggu perniagaan sedia ada.

"Saya sudah buat lawatan di kawasan itu dan saya lihat ia tidak sesuai serta perlu dipindahkan. Selain itu ada peniaga mengadu kerana peniaga car boot sale beroperasi di laluan utama ia boleh menjejaskan perniagaan mereka.

"Selepas perbincangan dilakukan saya fikir MPK perlu memohon peruntukan daripada KPKT untuk buat kawasan baru yang lebih sesuai," katanya ketika dihubungi Harian Metro, di sini, semalam.

Difahamkan, tapak car boot sale itu beroperasi pada Jumaat, Sabtu dan Ahad bermula jam 6 petang hingga jam 12 tengah malam.

Aktiviti itu turut menimbulkan rasa tidak puas hati sesetengah pihak terutama peniaga sedia ada yang mendakwa ia beroperasi di jalan utama selain menyebabkan kesesakan lalu lintas.

Fadzilla berkata, pihaknya bercadang memindahkan semua peniaga berkenaan di safu kawasan lain iaitu berhampiran medan selera di Taman Tas.

Menurutnya, sebaik peruntukan diluluskan, pelbagai infrastruktur dan kemudahan lain akan dibangunkan terutama mewujudkan laluan pejalan kaki bagi memudahkan penduduk berkunjung ke tapak car boot sale.